

**KEBERKESANAN TASKA DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK KAJIAN KES DI KAWASAN KUCHING**

**OLEH**

**AHMAD ISKANDAR  
ANGELA KATE AK TIRU  
NORTINA BT. PUAH  
RANDI AK NUMPANG  
SITI MARIAM BT MAHDAR**

**Kertas kerja ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran Undang-Undang di  
Universiti Teknologi Mara Kampus Samarahan Sarawak adalah untuk memenuhi  
sebahagian syarat-syarat kajian Diploma Pentadbiran Awam.**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN SARAWAK**

**SEPTEMBER 2002**

## **KANDUNGAN**

| <b>TAJUK</b>     | <b>MUKASURAT</b> |
|------------------|------------------|
| Kandungan        | i                |
| Surat Penyerahan | iv               |
| Perakuan         | v                |
| Penghargaan      | vi               |
| Abstrak          | vii              |
| Senarai Rajah    | viii             |
| Susunan Bab      | xi               |

### **BAB 1. PENGENALAN**

|                        |    |
|------------------------|----|
| 1.1 Pengenalan         | 1  |
| 1.2 Penyataan Masalah  | 4  |
| 1.3 Objektif Kajian    | 6  |
| 1.4 Skop Kajian        | 6  |
| 1.5 Hipotesis Kajian   | 8  |
| 1.6 Andaian            | 8  |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 9  |
| 1.8 Batasan Kajian     | 10 |

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah berkenaan dengan keberkesanannya taska dalam pendidikan awal kanak-kanak dan ianya dapat dilihat dalam konteks untuk memberi pendidikan asas kepada anak-anak disamping membantu perkembangan anak-anak dari segi mental, fizikal dan rohani. Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk mengkaji fungsi, peranan, mengenalpasti keupayaan, perbezaan serta mencadangkan langkah-langkah yang berkesan berkenaan dengan mengembangkan lagi peranan taska serta keberkesanannya. Dengan memfokuskan kepada elemen-elemen penting, ia dapat membantu dalam memahami dan menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. Sampel kajian adalah terdiri daripada 80 orang responden yang dipilih secara berkelompok daripada sepuluh buah taska dari empat kategori kawasan di sekitar Kuching. Penyelidikan ini dijalankan dengan mendapat maklumbalas melalui soalan kaji selidik yang telah diedarkan kepada responden iaitu yang terdiri daripada ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke taska. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakannya responden yang menghantar anak-anak mereka ke taska adalah ibubapa yang bekerja dan tiada mempunyai pengasuh di rumah. Daripada penemuan ini juga dapat diketahui kebanyakannya anak-anak yang dihantar ke taska mengalami perubahan dan perkembangan yang positif. Dengan ini juga dapat dibuktikan bahawa taska telah melaksanakan peranan mereka dalam memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak dengan berkesan.

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan**

Dunia hari menyaksikan banyak perubahan dan kemajuan. Ini memaksa manusia berlumba-lumba untuk mencapai kesempurnaan dalam hidup. John Nisbett didalam bukunya yang bertajuk ‘Global Paradox’ mengatakan, “dunia semakin hari semakin sempit dan sudah tidak ada sempadan lagi.” Kenyataan ini menunjukkan betapa penghuni dunia sedang dalam perjuangan meletakkan diri di antara golongan yang mencapai kemajuan. Jarang sekali kita melihat golongan wanita mahupun lelaki duduk sambil mengoyang kaki, seperti katak di bawah tempurung, terkongkong, berselubung seperti ulat di dalam kepompong. Malah mereka ini juga dalam usaha membina kehidupan yang lebih baik.

Di dalam membicarakan soal pembangunan, kita tidak dapat mempertikaikan naluri setiap insan iaitu mengecapi alam perkahwinan dan berumahtangga. Naluri sebegini sudah menjadi satu kewajipan dalam hati setiap manusia dan wajib pula untuk dipenuhi. Ini berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud,“ sesiapa yang tidak mengikut sunnahku bukan dari golonganku”. Ini menerangkan perihal mendirikan rumahtangga dan membina keluarga.

Begitu juga keinginan setiap ibu bapa untuk memperoleh cahaya mata. Anak-anak merupakan pelengkap dalam ikatan kekeluargaan. Tugas ibu bapa semakin bertambah bagi memenuhi tuntutan kehidupan yang semakin mencabar.

## **BAB DUA**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Kewujudan taska pada masa kini bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Permintaan dari golongan ibu bapa merupakan faktor penggalak kepada kemunculan taska. Keistimewaan yang disediakan oleh taska bukan sahaja dalam bidang asuhan tetapi membekalkan kanak-kanak dengan pendidikan awal. Menyedari pentingnya pendidikan dan sistem asuhan yang sistematik, menjadi kewajipan semua pihak untuk turut serta bagi merealisasikan usaha taska untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan.

#### **2.2 DEFINISI TASKA**

Perkara yang perlu kita ketahui ialah pendefinisian taska itu sendiri. Taman asuhan kanak-kanak atau TASKA memberi pendefinisian iaitu mana-mana premis yang menempatkan empat atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat tahun atau lebih daripada satu isi rumah diterima masuk dan dijaga dengan upah.<sup>1</sup> Kumpulan kanak-kanak yang disasarkan berumur empat tahun ke bawah seperti termaktub di dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984. Manakala takrifan untuk kanak-kanak adalah seseorang yang berumur dibawah 14 tahun. Dalam konteks taska, kanak-kanak yang diasuh terdiri dari lingkungan empat tahun dan ke bawah. Satu perbandingan definisi haruslah dibuat kerana terdapat

---

<sup>1</sup> Akta Taska 1984 (308), <http://kempedu.gov.my/jkm/web-JKM/web/mel/aktataska.htm>